

TINJAUAN KEWANGAN

KUMPULAN

- Perbincangan Pihak Pengurusan dan Analisis Prestasi Kewangan

Tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 mewakili tahun pemulihan prestasi bagi Kumpulan.

Dalam surat kami kepada para pemegang saham sebelum ini, kami telah menyatakan bahawa keutamaan Kumpulan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 (TK2008) adalah:

- Untuk mencapai pertumbuhan terjamin dan menguntungkan dengan membina campuran portfolio perniagaan strategik yang mengimbangkan perbankan pelaburan, perbankan runcit dan komersil serta perniagaan insurans
- Untuk memperbaiki kualiti aset keseluruhan dengan mengurangkan nisbah pinjaman tidak bayar-bersih
- Untuk mencipta perniagaan deposit yang sebenar dengan menggerakkan lebih deposit semasa dan simpanan dari para pelanggan runcit, korporat dan institusi
- Untuk melaksanakan program pengurusan perubahan bagi menyepadukan amalan-amalan terbaik Kumpulan ANZ Banking


Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa keutamaan kami yang digariskan bagi tahun lepas telah menunjukkan hasil dalam TK2008 yang mewakili pemulihan prestasi bagi Kumpulan.

PENYATA PENDAPATAN RINGKAS


| RM Juta | TK2008 | TK2007 | + / (-) | |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| | | | RM Juta | % |
| Pendapatan operasi | 6,007.6 | 5,497.3 | 510.3 | 9.3 |
| Pendapatan faedah bersih | 1,630.6 | 1,372.1 | 258.5 | 18.8 |
| Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam | 517.2 | 506.1 | 11.1 | 2.2 |
| Pendapatan dana bersih | 2,147.8 | 1,878.2 | 269.6 | 14.4 |
| Pendapatan operasi lain | 1,218.8 | 1,150.0 | 68.8 | 6.0 |
| Jumlah pendapatan | 3,366.6 | 3,028.3 | 338.4 | 11.2 |
| Overhed | (1,236.7) | (1,068.2) | (168.5) | 15.8 |
| Tuntutan insurans am | (315.6) | (288.7) | (26.9) | 9.3 |
| Keuntungan operasi | 1,814.3 | 1,671.4 | 142.9 | 8.6 |
| Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan | (512.2) | (1,519.5) | 1,007.3 | (66.3) |
| Lain-lain masuk kira semula/(peruntukan) | 14.3 | 58.7 | (44.5) | (75.7) |
| Kemosotan (kerugian)/masuk kira semula | (122.0) | (296.3) | 174.3 | (58.8) |
| Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu | 0.0 | 1.0 | (1.0) | (100.0) |
| Keuntungan/(Kerugian) sebelum pencukaian dan zakat | 1,194.4 | (84.6) | 1,279.0 | 1,511.7 |
| Pencukaian dan zakat | (383.6) | (44.3) | (339.3) | 766.2 |
| Keuntungan/(Kerugian) sebelum kepentingan minoriti | 810.8 | (128.9) | 939.7 | 729.0 |
| Kepentingan minoriti | (142.3) | (153.6) | 11.3 | (7.3) |
| Keuntungan bersih/(kerugian) diagihkan kepada para pemegang saham Syarikat | 668.5 | (282.5) | 951.0 | 336.7 |
| Kadar dividen kasar | 6.0% | 5.0% | | |
| Overhed berbanding jumlah pendapatan | 36.7% | 35.3% | | |

PENDAPATAN OPERASI MENGIKUT SEGMENT

TK2008



TK2007



Penyata Pendapatan

Kumpulan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.6% atau RM142.9 juta ke RM1,814.3 juta dalam keuntungan operasi untuk TK2008, sejajar dengan kebingkasan ekonomi Malaysia ditengah-tengah ketidakpastian di dalam persekitaran ekonomi sedunia. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat sebanyak 1,512% ke RM1,194.4 juta berbanding kerugian yang dialami pada tahun kewangan lepas, disumbang sebahagian besarnya oleh caj sekaligus yang besar untuk peruntukan untuk membina liputan kerugian pinjaman bagi NPL dalam TK2007 di samping usaha kutipan atas pinjaman tertunggak dalam TK2008. Ini diterjemahkan kepada pertumbuhan keuntungan selepas cukai meningkat sebanyak 729% ke RM810.8 juta sementara pertumbuhan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti adalah 337% ke RM668.5 juta. Pendapatan sesaham adalah 27.91 sen (tercair sepenuhnya).

Jumlah Pendapatan – Pertumbuhan Pendapatan

Pertumbuhan pendapatan, asas penting untuk pertumbuhan keuntungan yang berterusan, adalah ukuran penting prestasi kami. Ia mencerminkan kejayaan kami dalam meningkatkan perniagaan ulangan dari pelanggan sedia ada dan menambat pelanggan baru. Peningkatan dalam pendapatan ini merupakan ganjaran Kumpulan selepas melaburkan usahanya dalam memastikan kecemerlangan operasi, pengalaman jualan berkualiti dan saluran penyampaian yang meluas.


Komponen utama pendapatan adalah pendapatan dana bersih (pendapatan faedah bersih dan pendapatan dari perniagaan perbankan Islam) dan pendapatan operasi lain.

Pendapatan dana bersih: RM2,147.8 juta (+14.4% atau RM269.6 juta)


- Pertumbuhan dalam pendapatan dana bersih didorong oleh peningkatan dalam pinjaman dan pendahuluan bersih (+ RM 4.8 bilion atau 10.2%). Pertumbuhan dalam pinjaman dan pendahuluan didorong terutamanya oleh perkembangan dalam pinjaman runcit dan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (IKS) ditambah dengan perkembangan dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan awam.

JENIS PENDAPATAN

TK2008



TK2007



TINJAUAN KEWANGAN

KUMPULAN

Pendapatan Operasi lain: RM1,218.8 juta (+6% atau RM68.8 juta)


Pendapatan operasi lain yang terdiri terutamanya daripada pendapatan perbankan pelaburan dan aktiviti perniagaan serta perkhidmatan tambahan berhubung aktiviti pinjaman Kumpulan, terus menyumbang kepada pendapatan Kumpulan. Pengembangan aktiviti pendapatan operasi yang terpilih merupakan strategi berterusan untuk mempelbagaikan arus pendapatan Kumpulan. Kumpulan konsisten dalam mencapai sasaran nisbah pendapatan operasi berbanding jumlah pendapatan sekurang-kurangnya 30% (TK 2008 36.2%).

Untuk TK 2008:


- Pendapatan fi meningkat sebanyak RM118.1 juta (+28.4%), sebahagian besarnya disebabkan aktiviti penasihat korporat, aktiviti pengurusan dana dan pendapatan brokeraj dari perniagaan sekuriti.
- Pendapatan dari perniagaan insurans Kumpulan merangkumi 33.6% dari pendapatan operasi lain dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM36.3 juta (+9.7%) disebabkan peningkatan produktiviti dari rangkaian agensi, produk inovatif dan gabungan produk insurans dengan produk perbankan runcit.
- Pendapatan pelaburan dan perniagaan turun sebanyak RM68.6 juta (-21.8%), sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian atas penilaian semula sekuriti yang dipegang untuk urus niaga, ekoran sentimen pasaran yang lemah selepas pilihan raya pada Mac 2008.

PENDAPATAN FI

TK2008



TK2007



BELANJA OPERASI

| | TK2008 | | TK2007 | |
|--------------------------|----------------|---------------|----------------|---------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Perjawatan/kakitangan | 695.3 | 44.8% | 577.1 | 42.5% |
| Perjabatan | 242.3 | 15.6% | 231.0 | 17.0% |
| Pemasaran dan komunikasi | 172.8 | 11.1% | 142.8 | 10.5% |
| Pentadbiran dan am | 126.2 | 8.1% | 117.4 | 8.7% |
| Overhed | 1,236.7 | 79.7% | 1,068.2 | 78.7% |
| Tuntutan insurans am | 315.6 | 20.3% | 288.7 | 21.3% |
| Jumlah | 1,552.3 | 100.0% | 1,356.8 | 100.0% |

Belanja operasi – Pengawalan Belanja operasi

Untuk kekal kompetitif, Kumpulan menguruskan kos secara berhemat untuk memastikan kami beroperasi dengan cekap. Nisbah belanja operasi menggambarkan belanja Kumpulan sebagai peratusan dari pendapatan dan adalah salah satu ukuran yang sering digunakan untuk mengukur kecekapan industri perbankan.

Dalam TK2008, nisbah belanja operasi berbanding jumlah pendapatan bersih meningkat secara sedikit, sebanyak 1.3% ke 46.1%.

Overhead: RM1,236.7 juta (+15.8% or RM168.5 juta)

- Belanja kakitangan meningkat sebanyak RM118.2 juta ekoran kos gaji tarikh undur (diakru dari TK2006), kenaikan gaji tahunan dan bonus. Kebanyakan bank di Malaysia turut terlibat dalam pelarasan kos gaji tarikh undur bagi kakitangan kesatuan.
- Belanja perjabatan meningkat sebanyak RM11.3 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh bayaran sewa penuh oleh subsidiari bank komersil dengan penjualan bangunan pejabat oleh subsidiari tersebut pada Disember 2006 kepada AmFirst REIT.
- Belanja pemasaran meningkat sebanyak RM30.1 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh belanja pengiklanan dan promosi yang lebih tinggi.
- Belanja pentadbiran meningkat sebanyak RM8.9 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh kos yang ditanggung untuk membina modal berhubung program Nota Jangka Sederhana oleh subsidiari bank komersil.

Caj Peruntukan Hutang

Caj peruntukan hutang-bersih turun sebanyak RM1,007.3 juta (-66.3%) ke RM512.2 juta.


Kumpulan telah melaksanakan polisi peruntukan yang ketat terhadap pinjaman tidak dibayar (NPL), untuk meningkatkan liputan kerugian pinjaman, yang menyaksikan caj sekaligus yang besar kepada Penyata Pendapatan TK2007. Hasil daripada polisi baru ini bersama dengan NPL bersih yang lebih rendah, caj peruntukan bersih bagi TK 2008 turun sebanyak RM970.8 juta. Peningkatan dalam pemulihan hutang lapuk yang disebabkan oleh usaha memungut hutang lapuk secara lebih intensif, turut menyumbang kepada penurunan keseluruhan dalam caj peruntukan hutang bersih.

Kerugian Kemosrotan

Kerugian kemosrotan ke atas sekuriti turun sebanyak RM171.8 juta (-60.5%) ke RM111.9 juta, sebahagian besarnya disebabkan kerugian kemosrotan yang diasingkan untuk instrumen ekuiti ditukar dari hutang ekoran asas peruntukan yang lebih ketat dalam TK 2007.

ANALISIS CAMPURAN ASET

TK2008



CAJ PERUNTUKAN HUTANG

| RM Juta | TK2008 | TK2007 | TK2008 vs TK2007 |
|------------------------------------------------------------------------------|--------------|----------------|------------------|
| Peruntukan tertentu - bersih | 765.1 | 1,735.9 | (970.8) |
| Peruntukan dibayar balik kemosrotan nilai amaun dibayar balik dari Danaharta | (0.6) | (17.3) | 16.7 |
| Hutang lapuk dibayar balik - bersih | (319.4) | (254.7) | (64.7) |
| Peruntukan am | 445.1 | 1,463.9 | (1,018.8) |
| | 67.1 | 55.6 | 11.5 |
| Jumlah | 512.2 | 1,519.5 | (1,007.3) |

TINJAUAN KEWANGAN

KUMPULAN

Pengurusan Kunci Kira-kira


Pada 31 Mac 2008, jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM4.2 bilion (+5.3%) ke RM83.2 bilion sejajar dengan pertumbuhan yang kukuh (KDNK meningkat sebanyak 6%) dalam ekonomi Malaysia pada 2007.

Pinjaman dan Pendahuluan

- Pertumbuhan pinjaman bersih Kumpulan bagi TK2008 adalah 10.2% (RM4.8 bilion), meningkat 4.1% dari TK2007. Perkembangan pinjaman disebabkan oleh permintaan pinjaman yang tinggi, terutamanya oleh sektor runcit dan IKS. Perbelanjaan awam termasuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan koridor ekonomi baru akan mengukuhkan pertumbuhan dalam pembiayaan.
- Kumpulan terus memberi fokus kepada pembiayaan kenderaan bermotor, harta perumahan dan perusahaan kecil dan sederhana. Pinjaman untuk pembelian kenderaan bermotor (42.4%) dan hartanah perumahan (19.4%) menyumbang 61.8% dari jumlah pembiayaan. Meskipun pembiayaan untuk kedua-dua kegunaan ini mewakili penumpuan kredit terbesar, risiko kredit ini dikurangkan secara berkesan apabila pendedahan disebarkan kepada bilangan peminjam yang besar.

PINJAMAN KASAR – KEGUNAAN EKONOMI

TK2008



Sekuriti


- Sekuriti dipegang untuk urus niaga turun sebanyak 3.2% disebabkan pegangan sekuriti Kerajaan yang lebih rendah.
- Sekuriti yang dipegang untuk pelaburan dan sedia untuk dijual turun sebanyak 27.3% disebabkan pegangan ekuiti hutang diubah lebih rendah yang timbul dari penjualan dan penebusan.

Deposit

- Sumber pendanaan utama Kumpulan ialah dari deposit pelanggan, sama ada deposit tempoh/pelaburan, deposit simpanan, deposit semasa dan deposit instrumen boleh niaga. Sumber pendanaan utama lain termasuk dana pemegang saham, sekuriti berfaedah, pinjaman antara bank-bank dan lain-lain pinjaman.
- Deposit dari pelanggan meningkat sebanyak RM5.4 bilion (+12.7%) ke RM47.8 bilion pada 31 Mac 2008, dengan deposit runcit mewakili 49.5% dari jumlah deposit pelanggan. Deposit yang digerakkan dari perusahaan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 24.2% ke RM15.6 bilion.
- Deposit tempoh/pelaburan kekal sebagai penyumbang terbesar dengan baki tertunggak mewakili 78.1% dari jumlah deposit tertunggak dari pelanggan pada 31 Mac 2008.
- Deposit kos rendah pelanggan yang merangkumi deposit simpanan dan semasa meningkat sebanyak RM931 juta ke RM6.3 bilion pada akhir Mac 2008.


DEPOSIT DARI PELANGGAN – JENIS

TK2008



DEPOSIT DARI PELANGGAN – SUMBER

TK2008




Penambahbaikan Kualiti Aset

Selari dengan komitmen kami untuk meningkatkan pendapatan, kami juga fokus terhadap pengurangan dan pengurusan risikoyang dihadapi oleh perniagaan Kumpulan. Ini adalah untuk memastikan Kumpulan akan, diberi waktu, dapat memberi pulangan dilaras-risiko yang memuaskan kepada para pemegang sahamnya.

Petanda yang menunjukkan bahawa polisi dan amalan pengurusan risiko kami telah memberi kesan ialah kemajuan dalam kualiti aset pinjaman Kumpulan:

NPLS – KLASIFIKASI 3 BULAN




Kualiti aset pinjaman Kumpulan bertambah baik dengan ketara seperti yang ditunjukkan oleh:

- Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih turun ke 3.7% dari 6.2% dalam TK2007.
- Jumlah NPL kasar tertunggak turun ke RM3.6 bilion dari RM5.5 bilion dalam TK2007. Pengurangan NPL melalui penyusunan semula, pemulihan, penjadualan semula dan penutupan tetap menjadi keutamaan penting untuk kedua-dua Pemulihan Pinjaman Kumpulan dan Unit Pungutan Runcit.
- Pemulihan lebih tinggi disebabkan usaha pemulihan lebih intensif melalui agensi-agensipungutan hutang.
- Liputan kerugian pinjaman meningkat ke 67.3% dari 56.6%.


Dalam tahun ini, Kumpulan telah menyelesaikan penjualan portfolio NPL (korporat dan runcit) dan menerima ganjaran jualan berjumlah RM328.5 juta daripada ABS Enterprise One Berhad, Neptune ABS One Berhad dan Neptune ABS Two Berhad.

JUMLAH ASET MENGIKUT SEGMENT

TK2008



TK2007



TINJAUAN KEWANGAN

KUMPULAN

Pembinaan Campuran Portfolio Perniagaan yang Terimbang

Selari dengan matlamat kami untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang terjamin dan menguntungkan dengan membina campuran portfolio perniagaan strategik yang terdiri daripada perbankan pelaburan, pinjaman runcit dan komersil serta perniagaan insurans:

- Portfolio segmen perbankan komersil dan runcit membentuk 56.5% dari jumlah aset mengikut segmen, meningkat dari 55.3% dalam TK2007. Sebahagian besarnya disebabkan pertumbuhan pinjaman dalam sektor runcit dan IKS.
- Sebaliknya, sumbangan portfolio perbankan pelaburan turun ke 15.7% dari 21.2%. Sebahagian besarnya disebabkan pengurangan dalam pegangan sekuriti dari penjualan dan penilaian berdasarkan harga pasaran yang lebih rendah.
- Sumbangan portfolio perbankan Islam meningkat dari 10.8% ke 11.3%, disebabkan pertumbuhan dalam pembiayaan dan pendahuluan bagi sektor runcit.
- Sumbangan portfolio perniagaan insurans meningkat ke 2.7% dari 2.3% dengan adanya pertumbuhan dalam aset dana Am dan Hayat.
- Sumbangan portfolio lain meningkat dari 10.4% ke 13.8%, sebahagian besarnya disebabkan penyuntikan modal oleh ANZ Funds Pty Ltd dan penswastaaan AIGB.

Memperkukuhkan Posisi Modal

Tahap modal kami tetap kukuh, dengan nisbah modal berwajaran risiko keseluruhan Kumpulan pada 31 Mac 2008 pada 13.5%, dengan nisbah modal Tahap-1 8.2%, jauh di atas keperluan minima nisbah modal berwajaran risiko yang ditetapkan pada 8%.


Dalam tahun ini, kedudukan modal Kumpulan telah diperkukuhkan oleh:

- Penyuntikan modal sebanyak RM1,075 juta oleh ANZ Funds Pty Limited pada 18 Mei 2007, merangkumi 163,934,426 saham terutama boleh ubah ("CPS") pada harga terbitan RM3.05 setiap CPS memberikan RM500 juta, yang boleh ditukar kepada 163,934,426 saham biasa baru Syarikat bernilai RM1.00 setiap saham dan RM575 juta Bon Boleh Tukar terbitan AmBank, yang boleh ditukar kepada 188,524,590 saham biasa baru Syarikat. Pada 13 Mac 2008, CPS telah ditukar kepada 163,934,426 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap saham dengan syarat satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap saham ditukar untuk satu CPS bernilai RM1.00 setiap satu.
- Terbitan Nota Jangka Sederhana ("MTN") Tahap Satu hingga Lima berjumlah RM860 juta di bawah program MTN bernilai nominal RM2.0 bilion. MTN yang diterbitkan layak sebagai modal Tahap-2 di bawah rangkakerja kecukupan modal untuk institusi-institusi kewangan, mematuhi Rangkakerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko yang diterbitkan oleh BNM.

PINJAMAN MENGIKUT SEKTOR

| | TK2008 | | TK2007 | |
|---------------|-----------------|---------------|-----------------|---------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Runcit | 36,612.5 | 66.7% | 34,583.4 | 68.2% |
| IKS | 5,452.4 | 9.9% | 4,806.8 | 9.5% |
| Korporat | 12,813.2 | 23.3% | 11,352.0 | 22.4% |
| Jumlah | 54,878.1 | 100.0% | 50,742.2 | 100.0% |

NISBAH MODAL



Penarafan Kredit

Kesan dari pemulihan dalam prestasi kewangan, pelbagai agensi penarafan telah mengesahkan dan meningkatkan penarafan kredit subsidiari-subsidiari utama, AmBank (M) Berhad dan AmInvestment Bank Berhad.

Bon Bersubordinat Tidak Bercagar Boleh Ditebus AmInvestment Bank Berhad bernilai RM460.0 juta dan RM200.0 juta Bon Bersubordinat Tahap 2 telah jangka panjang A1 oleh RAM.

RAM memperakui semula RM1.0 bilion Instrumen Deposit Boleh Niaga Jangka Panjang AmInvestment Bank Berhad dengan penarafan jangka panjang AA3.

Sekuriti Hibrid bernilai USD200.0 juta terbitan AmBank (M) Berhad telah diperakui semula penarafan Ba2 oleh Moody's, BB oleh S&P dan BB oleh Fitch.

Penarafan jangka panjang Bon Bersubordinat Tidak Bercagar Boleh Ditebus AmBank (M) Berhad RM200.0 juta telah dinaikkan penarafan ke A2 oleh RAM.

Program Bon Boleh Tukar RM575.0 juta dan Nota Jangka Sederhana RM2.0 bilion AmBank (M) Berhad diberi penarafan jangka panjang A2 oleh RAM.

Sekuriti Stapled berdenominasi Dolar Singapura diberi penarafan jangka panjang BB oleh Fitch and S&P.

Penutup

Keputusan kewangan tahun ini mewakili prestasi pemulihan bagi Kumpulan dan telah menunjukkan bahawa kami berjaya melaksanakan komitmen-komitmen kami.

Kesan dari pemulihan prestasi kewangan dalam TK 2008, Lembaga Pengarah mencadangkan kenaikan pembayaran dividen ke 6% tolak cukai (TK2007 5%, tolak cukai) berjumlah RM122.5 juta bagi tahun kewangan ini.

Kami yakin bahawa inisiatif berterusan dan langkah-langkah yang sedang diambil bersama dengan pelaburan semula sebahagian dari keuntungan tahun ini, akan menghasilkan pendapatan lebih tinggi dan pertumbuhan kunci kira-kira.

PENARAFAN KREDIT

| | AmBank (M) Berhad | | AmInvestment Bank Berhad | |
|-------------------------------------------|-------------------|---------------|--------------------------|---------------|
| | Jangka Panjang | Jangka Pendek | Jangka Panjang | Jangka Pendek |
| Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") | A1 | P1 | AA3 | P1 |
| Malaysian Rating Corporation Bhd ("MARC") | Tidak Ditaraf | | AA- | MARC-1 |
| Standard & Poor's ("S&P") | BBB- | A-3 | BB+ | B |
| Capital Intelligence | BBB- | A3 | Tidak Ditaraf | |
| Fitch Ratings Singapore Pte Ltd ("Fitch") | BBB- | F3 | BB+ | B |
| Moody's Investor Service ("Moody's") | Baa2 | P-3 | Tidak Ditaraf | |